Sukarelawan Prihatin

Pada awal bulan November, hujan turun dengan lebat selama beberapa hari di Kampung Seri Damai. Langit sentiasa mendung dan hujan semakin mencurah-curah pada waktu malam. Air Sungai Damai yang mengalir berhampiran kampung semakin deras lalu melimpah ke kawasan rumah penduduk. Dalam sekelip mata, air banjir telah memasuki rumah dan menenggelami halaman penduduk. Penduduk kampung bergegas menyelamatkan diri serta membawa barang-barang penting ke tempat yang lebih tinggi sebelum berpindah ke pusat pemindahan sementara.

Keadaan menjadi semakin buruk apabila angin kencang bertiup ketika hujan masih turun. Beberapa buah rumah mengalami kerosakan. Ada atap rumah yang tercabut ditiup angin, manakala pagar, perabot dan barangan lain dihanyutkan oleh arus banjir. Penduduk kampung berasa sedih dan bimbang memikirkan keadaan rumah mereka. Mendengar berita tersebut, Pertubuhan Sukarelawan Prihatin Malaysia (PSPM) segera menghantar pasukan sukarelawan ke Kampung Seri Damai. Rajan dan Hashim turut menyertai pasukan tersebut untuk membantu mangsa banjir.

Setibanya di pusat pemindahan sementara, pasukan sukarelawan terus menjalankan tugas. Mereka mengagihkan makanan, air minuman, pakaian dan barangan keperluan kepada mangsa banjir. Beberapa orang sukarelawan membantu menjaga warga emas dan memastikan mereka mendapat tempat yang selesa. Rajan dan Hashim pula membantu mengangkat barangan serta mengagihkan makanan kepada penduduk. Mereka bekerjasama dengan pantas dan teratur agar semua mangsa mendapat bantuan yang diperlukan.

Selepas beberapa hari, hujan akhirnya berhenti dan air banjir mula surut. Pasukan sukarelawan tidak terus meninggalkan kampung tersebut. Mereka bergerak dari rumah ke rumah untuk membantu penduduk membersihkan kesan banjir. Rajan dan Hashim bersama-sama sukarelawan yang lain mengangkat perabot yang rosak, mencuci lantai, membuang lumpur dan membersihkan halaman rumah. Mereka juga membantu membaiki bahagian rumah yang rosak akibat tiupan angin kencang dan arus banjir. Penduduk kampung turut berganding bahu sehingga kerja yang berat menjadi lebih ringan.

Menjelang petang, kerja-kerja pembersihan hampir selesai. Rumah yang dipenuhi lumpur mula kelihatan bersih, manakala kawasan kampung kembali teratur. Penduduk Kampung Seri Damai mengucapkan terima kasih kepada semua sukarelawan PSPM yang telah bersusah payah membantu mereka. Rajan dan Hashim berasa gembira kerana dapat bersama-sama pasukan sukarelawan meringankan beban mangsa banjir. Setelah selesai mengemas peralatan, mereka pun meninggalkan kampung itu dengan hati yang puas.

LIVEWORKSHEETS